Peraturan ini berkuat kuasa mulai **15 Julai 2019**.





PP/PK 7.8:

PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN

PEMBAIKAN KENDERaan

(PINDAAN PADA 15 JULAI 2019)

PP/PK7.8 : PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN KENDERaan (PINDAAN PADA 15 JULAI 2019)

1

KAEDAH DAN HAD NILAI

- ① Perolehan secara rundingan terus dengan satu pembekal (*authorised service centre*) sehingga had nilai RM50 ribu dalam satu pesanan bagi penyelenggaraan berjadual serta masih dalam tempoh waranti atau telah tamat tempoh jaminan.
- ② Bagi pembaikan secara kecemasan, perolehan secara rundingan terus dengan satu pembekal sehingga had nilai RM20 ribu dalam satu pesanan.
- ③ Pihak Berkuasa Melulus bagi perolehan ini adalah Pegawai Pengawal/Pegawai yang diturunkan kuasa oleh Pegawai Pengawal secara bertulis.
- ④ Agensi digalakkan untuk melaksanakan perolehan secara sebut harga atau tender untuk melantik satu (1) atau beberapa syarikat/bengkel secara panel bagi kerja pembaikan kenderaan untuk suatu tempoh yang munasabah.

2

SYARAT PEROLEHAN

- ① Peruntukan kewangan telah diluluskan dan mencukupi.
- ② Kajian pasaran adalah dikecualikan.
- ③ Agensi hendaklah menyediakan kertas cadangan/mengisi borang/buku log pembaikan (mana-mana yang berkaitan) dengan menyatakan justifikasi pemilihan bengkel dan kos terlibat untuk ditimbang oleh Pihak Berkuasa Melulus.



PP/PK7.8 : PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN KENDERaan (PINDAAN PADA 15 JULAI 2019)

3

JAWATANKUASA PENILAIAN

- (1) Perolehan melebihi RM20 ribu.
- (2) Keahlian terdiri daripada tiga (3) orang iaitu seorang pengurus dan dua (2) orang ahli, yang terdiri daripada seorang pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf.
- (3) Pelantikan hendaklah dibuat secara bertulis oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan.

4

PESANAN KERAJAAN

Pesanan Kerajaan hendaklah dikeluarkan sebelum perolehan dilaksanakan selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 176.1(d) atau (e). Agensi dikecualikan daripada mengeluarkan Pesanan Kerajaan bagi perolehan pembaikan kecemasan sahaja.

5

SURAT SETUJU TERIMA

Agensi hendaklah mengeluarkan Surat Setuju Terima bagi perolehan bermasa tanpa tertakluk kepada sebarang had nilai atau perolehan secara *one-off* yang melebihi RM20 ribu.

6

BON PELAKSANAAN

Agensi dikecualikan daripada mengenakan Bon Pelaksanaan bagi perolehan melebihi RM200 ribu sama ada bermasa atau *one-off*.

7

DOKUMEN PERJANJIAN

Agensi dikecualikan daripada mengadakan dokumen perjanjian.

8

Peraturan ini berkuat kuasa mulai **15 Julai 2019**.





PP/PK 7.9:
PEROLEHAN BAHAN BAKAR DI SEMENANJUNG MALAYSIA
(PINDAAN PADA 15 JULAI 2019)

PP/PK7.9 : PEROLEHAN BAHAN BAKAR DI SEMENANJUNG MALAYSIA (PINDAAN PADA 15 JULAI 2019)

1

JENIS BAHAN BAKAR

- ① Minyak diesel;
- ② Minyak petrol;
- ③ Gas petroleum cecair (*Liquefied Petroleum Gas - LPG*);
- ④ Gas asli kenderaan (*Natural Gas for Vehicles - NGV*); dan
- ⑤ Bahan api pesawat udara (*aviation fuel*).

2

KAEDAH DAN HAD NILAI

Bil.	Had Nilai Perolehan	Pihak Berkuasa Melulus
i.	Sehingga RM20 ribu setahun atau sesuatu kontrak	Pegawai Pengawal/Pegawai yang diturunkan kuasa oleh Pegawai Pengawal secara bertulis
ii.	Melebihi RM20 ribu sehingga RM1 juta setahun atau sesuatu kontrak	Jawatankuasa Sebut Harga Agensi
iii.	Melebihi RM1 juta setahun atau sesuatu kontrak	Lembaga Perolehan Agensi (mengikut had nilai yang ditetapkan)

3

SYARAT PEROLEHAN

- ▪ ▪ ▪ ▪ ▪
- ① Peruntukan kewangan telah diluluskan dan mencukupi.
- ② Kajian pasaran dikecualikan
- ③ Perolehan hendaklah dibuat dengan syarikat minyak/ pengedar di daerah yang sama atau berhampiran dan tidak tertumpu kepada satu (1) syarikat minyak/pengedar sahaja.
- ④ Pembelian bahan bakar daripada syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan.
- ⑤ Merupakan syarikat minyak atau pengedar yang sah bagi syarikat minyak.
- ⑥ Mendapat lesen *Petroleum Development Act (PDA)* daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).



PP/PK7.9 : PEROLEHAN BAHAN BAKAR DI SEMENANJUNG MALAYSIA (PINDAAN PADA 15 JULAI 2019)

4

JAWATANKUASA PENILAIAN

- ① Perolehan melebihi RM20 ribu.
- ② Keahlian terdiri daripada tiga (3) orang iaitu seorang pengurus dan dua (2) orang ahli, yang terdiri daripada seorang pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf.
- ③ Pelantikan hendaklah dibuat secara bertulis oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan.

5

PESANAN KERAJAAN

Pesanan Kerajaan hendaklah dikeluarkan sebelum perolehan dilaksanakan selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 176.1(d) atau (e).

6

SURAT SETUJU TERIMA

Agensi hendaklah mengeluarkan Surat Setuju Terima bagi perolehan bermasa tanpa tertakluk kepada sebarang had nilai atau perolehan secara *one-off* yang melebihi RM20 ribu.

7

BON PELAKSANAAN

Agensi dikecualikan daripada mengenakan Bon Pelaksanaan bagi perolehan melebihi RM200 ribu sama ada bermasa atau *one-off*.

8

DOKUMEN PERJANJIAN

Agensi hendaklah mengadakan dokumen perjanjian bagi perolehan bermasa tanpa tertakluk kepada sebarang had nilai atau perolehan secara *one-off* melebihi RM500 ribu.

Peraturan ini berkuat kuasa mulai **15 Julai 2019**.





PP/PK 7.10:
PEROLEHAN PERCETAKAN WARTA KERAJAAN
(PINDAAN PADA 15 JULAI 2019)

PP/PK7.10 : PEROLEHAN PERCETAKAN WARTA KERAJAAN (PINDAAN PADA 15 JULAI 2019)

1

KAEDAH DAN HAD NILAI

Agensi adalah dibenarkan untuk melaksanakan perolehan secara rundingan terus bagi percetakan Warta Kerajaan Persekutuan dan Negeri dengan Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) tanpa tertakluk kepada sebarang had nilai dan tempoh masa serta diluluskan oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/pegawai yang diturunkan kuasa oleh Pegawai Pengawal secara bertulis.

2

SYARAT PEROLEHAN

- ① Peruntukan kewangan telah diluluskan dan mencukupi.
- ② Kajian pasaran dikecualikan.
- ③ Tatacara rundingan harga dikecualikan.

3

JAWATANKUASA PENILAIAN

Agensi dikecualikan daripada menubuhkan Jawatankuasa Penilaian.

5

PESANAN KERAJAAN

Pesanan Kerajaan hendaklah dikeluarkan berdasarkan inbois manual yang dikeluarkan oleh PNMB dalam tempoh 14 hari setelah semua perkhidmatan percetakan selesai dilaksanakan.



MOF

PP/PK7.10 : PEROLEHAN PERCETAKAN WARTA KERAJAAN (PINDAAN PADA 15 JULAI 2019)

6

SURAT SETUJU TERIMA

Agensi **dikecualikan** daripada mengeluarkan Surat Setuju Terima bagi perolehan ini sama ada bermasa atau *one-off* tanpa tertakluk kepada sebarang had nilai.

7

BON PELAKSANAAN

Agensi **dikecualikan** daripada mengenakan Bon Pelaksanaan bagi perolehan melebihi RM200 ribu sama ada bermasa atau *one-off*.

8

DOKUMEN PERJANJIAN

Agensi **dikecualikan** daripada mengadakan dokumen perjanjian bagi perolehan bermasa atau *one-off* tanpa tertakluk kepada sebarang had nilai.

9

Peraturan ini berkuat kuasa mulai **15 Julai 2019**.



MOF



PP/PK 7.11:
PEROLEHAN BEKALAN/PENGHANTARAN BUKU
CETAKAN/TERBITAN DALAM DAN LUAR NEGARA
(PINDAAN PADA 15 JULAI 2019)

PP/PK7.11 : PEROLEHAN BEKALAN/PENGHANTARAN BUKU CETAKAN/ TERBITAN DALAM DAN LUAR NEGARA (PINDAAN PADA 15 JULAI 2019)

A

PEROLEHAN BEKALAN/PENGHANTARAN BUKU CETAKAN/ TERBITAN DALAM NEGARA

(i) Kaedah dan Had Nilai

Bil.	Had Nilai	Pihak Berkuasa Melulus
i.	Sehingga RM200 ribu	Pegawai Pengawal/Pegawai yang diturunkan kuasa oleh Pegawai Pengawal/ Ketua Jabatan selain daripada Jawatankuasa Pemilih Syarikat
ii.	Melebihi RM200 ribu sehingga RM500 ribu	Jawatankuasa Sebut Harga Agensi
iii.	Melebihi RM500 ribu sehingga RM50 juta	Lembaga Perolehan Agensi (mengikut had nilai yang ditetapkan)

(ii) Syarat Perolehan

- ① Peruntukan kewangan telah diluluskan dan mencukupi.
- ② Kajian pasaran mengenai judul/tajuk, bidang dan penerbitan supaya harga tawaran adalah berpatutan dan menguntungkan Kerajaan sebelum pembelian dibuat.
- ③ Perolehan hendaklah dilaksanakan di kalangan syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang berkaitan.
- ④ Tatacara rundingan harga dikecualikan.



MOF

PP/PK7.11 : PEROLEHAN BEKALAN/PENGHANTARAN BUKU CETAKAN/ TERBITAN DALAM DAN LUAR NEGARA (PINDAAN PADA 15 JULAI 2019)

1 JAWATANKUASA PENILAIAN

- ① Perolehan melebihi RM20 ribu.
- ② Keahlian terdiri daripada tiga (3) orang iaitu seorang pengurus dan dua (2) orang ahli, yang terdiri daripada seorang pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf.
- ③ Pelantikan hendaklah dibuat secara bertulis oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan.

2 PESANAN KERAJAAN

Pesanan Kerajaan hendaklah dikeluarkan sebelum perolehan dilaksanakan selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 176.1(d) atau (e). Agensi dikecualikan daripada mengeluarkan Pesanan Kerajaan bagi perolehan yang dilaksanakan secara atas talian.

3

SURAT SETUJU TERIMA

Agensi hendaklah mengeluarkan Surat Setuju Terima bagi perolehan bermasa tanpa tertakluk kepada sebarang had nilai atau perolehan secara *one-off* yang melebihi RM20 ribu.

4

BON PELAKSANAAN

Agensi dikecualikan daripada mengenakan Bon Pelaksanaan bagi perolehan melebihi RM200 ribu sama ada bermasa atau *one-off*.

5

DOKUMEN PERJANJIAN

Agensi hendaklah mengadakan dokumen perjanjian bagi perolehan bermasa tanpa tertakluk kepada sebarang had nilai atau perolehan secara *one-off* melebihi RM500 ribu.



PP/PK7.11 : PEROLEHAN BEKALAN/PENGHANTARAN BUKU CETAKAN/ TERBITAN DALAM DAN LUAR NEGARA (PINDAAN PADA 15 JULAI 2019)

B

PEROLEHAN BEKALAN/PENGHANTARAN BUKU CETAKAN/ TERBITAN LUAR NEGARA

(i) Kaedah dan Had Nilai

Bil.	Had Nilai	Pihak Berkuasa Melulus
i.	Sehingga RM200 ribu	Pegawai Pengawal/Pegawai yang diturunkan kuasa oleh Pegawai Pengawal/ Ketua Jabatan selain daripada Jawatankuasa Pemilih Syarikat
ii.	Melebihi RM200 ribu sehingga RM500 ribu	Jawatankuasa Sebut Harga Agensi

(ii) Syarat Perolehan

- ① Peruntukan kewangan telah diluluskan dan mencukupi.
- ② Kajian pasaran mengenai judul/tajuk, bidang dan penerbitan supaya harga tawaran adalah berpatutan dan menguntungkan Kerajaan sebelum pembelian dibuat.
- ③ Harga yang ditawarkan oleh syarikat adalah harga bersih (termasuk kos pembungkusan dan penghantaran) dan hendaklah dalam Ringgit Malaysia (kecuali pembelian atas talian).
- ④ Tatacara rundingan harga dikecualikan.



PP/PK7.11 : PEROLEHAN BEKALAN/PENGHANTARAN BUKU CETAKAN/ TERBITAN DALAM DAN LUAR NEGARA (PINDAAN PADA 15 JULAI 2019)

1 JAWATANKUASA PENILAIAN

- (1) Perolehan melebihi RM20 ribu.
- (2) Keahlian terdiri daripada tiga (3) orang iaitu seorang pengurus dan dua (2) orang ahli, yang terdiri daripada seorang pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf.
- (3) Pelantikan hendaklah dibuat secara bertulis oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan.

2 PESANAN KERAJAAN

Agensi dikecualikan daripada mengeluarkan Pesanan Kerajaan bagi perolehan ini termasuk yang dilaksanakan secara atas talian .

3 SURAT SETUJU TERIMA

Agensi dikecualikan daripada mengeluarkan Surat Setuju Terima bagi perolehan bermasa atau *one-off* tanpa tertakluk kepada sebarang had nilai.

4

BON PELAKSANAAN

Agensi dikecualikan daripada mengenakan Bon Pelaksanaan.

5

DOKUMEN PERJANJIAN

Agensi dikecualikan daripada mengadakan dokumen perjanjian bermasa atau *one-off* tanpa tertakluk kepada sebarang had nilai. Pembayaran boleh dilaksanakan melalui *Telegraphic Transfer* (TT) atau kaedah lain yang dibenarkan.

6

ARAHAN PERBENDAHARAAN (AP) 99 (e)

Bayaran hanya boleh dibuat sekiranya perakuan bekalan/ perkhidmatan/kerja telah dilaksanakan dengan sempurna.

7

Peraturan ini berkuat kuasa mulai **15 Julai 2019**.





PP/PK 7.12:
PEROLEHAN BEKALAN SURAT KHABAR DAN
MAJALAH TEMPATAN
(PINDAAN PADA 15 JULAI 2019)

PP/PK7.12 : PEROLEHAN BEKALAN SURAT KHABAR DAN MAJALAH TEMPATAN (PINDAAN PADA 15 JULAI 2019)

1

KAEDAH DAN HAD NILAI

- ① Perolehan sehingga RM20 ribu hendaklah dilaksanakan di kalangan mana-mana syarikat/pembekal sama ada berdaftar/tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan.
- ② Perolehan melebihi RM20 ribu hendaklah dilaksanakan di kalangan mana-mana syarikat/pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang berkaitan.

2

SYARAT PEROLEHAN

- ① Peruntukan kewangan telah diluluskan dan mencukupi.
- ② Kajian pasaran dikecualikan.
- ③ Digalakkan melanggan secara atas talian.
- ④ Tatacara rundingan harga dikecualikan.

3

JAWATANKUASA PENILAIAN

Agensi dikecualikan daripada menubuhkan Jawatankuasa Penilaian.

4

PESANAN KERAJAAN

Agensi dikecualikan daripada mengeluarkan Pesanan Kerajaan dan bayaran hendaklah dibuat berdasarkan inbois yang dikemukakan oleh syarikat.



MOF

PP/PK7.12: PEROLEHAN BEKALAN SURAT KHABAR DAN MAJALAH TEMPATAN (PINDAAN PADA 15 JULAI 2019)

6

SURAT SETUJU TERIMA

Agensi dikecualikan daripada mengeluarkan Surat Setuju Terima.

7

BON PELAKSANAAN

Agensi dikecualikan daripada mengenakan Bon Pelaksanaan bagi perolehan melebihi RM200 ribu sama ada bermasa atau *one-off*.



8

DOKUMEN PERJANJIAN

Agensi dikecualikan daripada mengadakan dokumen perjanjian.

9

Peraturan ini berkuat kuasa mulai **15 Julai 2019**.





PP/PK 7.13:
PEROLEHAN PERKIDMATAN
PENYELENGGARAN/ PEMBAIKAN PENYAMAN UDARA YANG
TIDAK MELIBATKAN KERJA ELEKTRIK YANG KOMPLEKS
(PINDAAN PADA 15 JULAI 2019)

1

KAEDAH DAN HAD NILAI

- (1)** Perolehan sehingga RM20 ribu boleh dilaksanakan secara rundingan terus dengan mana-mana syarikat/pembekal sama ada berdaftar/tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan bagi satu (1) pesanan dalam tempoh setahun.
- (2)** Perolehan melebihi RM20 ribu, pelaksanaan hendaklah mematuhi peraturan perolehan yang berkuat kuasa.

2

SYARAT PEROLEHAN

- (1)** Peruntukan kewangan telah diluluskan dan mencukupi.
- (2)** Kajian pasaran adalah dikecualikan.
- (3)** Agensi hendaklah mengambil langkah penjimatan dan mendapatkan nilai faedah terbaik dan seboleh-bolehnya tidak menjurus kepada satu (1) syarikat sahaja.
- (4)** Tatacara rundingan harga seperti di PP/PK7.16 adalah dikecualikan.
- (5)** Tatacara perolehan ini adalah tidak terpakai kepada perolehan penyelenggaraan dan pembaikan penyaman udara di bawah kontrak pengurusan fasiliti bangunan Kerajaan.



3

JAWATANKUASA PENILAIAN

Agensi dikecualikan daripada menubuhkan Jawatankuasa Penilaian.

4

PESANAN KERAJAAN

Pesanan Kerajaan hendaklah dikeluarkan sebelum perolehan dilaksanakan selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 176.1(d) atau (e).

5

SURAT SETUJU TERIMA, BON PELAKSANAAN DAN PENYEDIAAN DOKUMEN PERJANJIAN

Agensi hendaklah memastikan pengeluaran Surat Setuju Terima, pengenaan Bon Pelaksanaan dan penyediaan Dokumen Perjanjian mematuhi peraturan perolehan yang berkuat kuasa.

6

Peraturan ini berkuat kuasa mulai **15 Julai 2019**.





PP/PK 7.14:
PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENYIARAN PENGIKLANAN
MELALUI MEDIA
(PINDAAN PADA 15 JULAI 2019)

PP/PK7.14 : PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENYIARAN PENGIKLANAN MELALUI MEDIA (PINDAAN PADA 15 JULAI 2019)

1

KAEDAH DAN HAD NILAI

Bil.	Had Nilai	Pihak Berkuasa Melulus
i.	Sehingga RM50 ribu	Pegawai Pengawal/Pegawai yang diturunkan kuasa oleh Pegawai Pengawal secara
ii.	Melebihi RM50 ribu sehingga RM500 ribu	Jawatankuasa Sebut Harga
iii.	Melebihi RM500 ribu	Lembaga Perolehan Agensi (mengikut had nilai yang ditetapkan)

Bagi perolehan slot masa siaran iklan radio dan televisyen RTM, dibenarkan untuk melaksanakan perolehan secara pembelian terus tanpa tertakluk kepada sebarang had nilai dan diluluskan oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Pegawai yang diturunkan kuasa oleh Pegawai Pengawal secara bertulis.

2

SYARAT PEROLEHAN

- ① Peruntukan kewangan telah diluluskan dan mencukupi.
- ② Kajian pasaran dikecualikan.
- ③ Pelantikan dibuat di kalangan pemilik/syarikat media yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan.
- ④ Perolehan ini tidak terpakai ke atas agen atau wakil media/pengiklanan.
- ⑤ Tatacara rundingan harga dikecualikan.
- ⑥ Agensi hendaklah melaksanakan perolehan membuat iklan (perekaan dan penulisan) melalui agensi pengiklanan mengikut tatacara perolehan semasa yang berkuat kuasa.



PP/PK7.14: PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENYIARAN PENGIKLANAN MELALUI MEDIA (PINDAAN PADA 15 JULAI 2019)

4

JAWATANKUASA PENILAIAN

- ① Perolehan melebihi RM20 ribu.
- ② Keahlian terdiri daripada tiga (3) orang iaitu seorang pengurus dan dua (2) orang ahli, yang terdiri daripada seorang pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf.
- ③ Pelantikan hendaklah dibuat secara bertulis oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan.

5

PESANAN KERAJAAN

Pesanan Kerajaan hendaklah dikeluarkan sebelum perolehan dilaksanakan selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 176.1(d) atau (e).

6

SURAT SETUJU TERIMA

Agensi hendaklah mengeluarkan Surat Setuju Terima bagi perolehan bermasa tanpa tertakluk kepada sebarang had nilai atau perolehan secara *one-off* yang melebihi RM20 ribu.

7

BON PELAKSANAAN

Agensi dikecualikan daripada mengenakan Bon Pelaksanaan bagi perolehan melebihi RM200 ribu sama ada bermasa atau *one-off*.

8

DOKUMEN PERJANJIAN

Agensi hendaklah mengadakan dokumen perjanjian bagi perolehan bermasa tanpa tertakluk kepada sebarang had nilai atau perolehan secara *one-off* melebihi RM500 ribu.

9

Peraturan ini berkuat kuasa mulai **15 Julai 2019**.





PP/PK 7.15:
**GARIS PANDUAN PERMOHONAN PEROLEHAN SECARA
RUNDINGAN TERUS**
(PINDAAN PADA 15 JULAI 2019)

PP/PK7.15 : GARIS PANDUAN PERMOHONAN PEROLEHAN SECARA RUNDINGAN TERUS (PINDAAN PADA 15 JULAI 2019)

1

PENDAHULUAN

Rundingan Terus adalah tidak digalakkan dalam pelaksanaan perolehan Kerajaan. Agensi hendaklah merancang perolehan dan mempelawa sebut harga/tender melalui persaingan terbuka bagi mendapatkan nilai faedah terbaik kepada Kerajaan.

2

KRITERIA PERMOHONAN

- ① Kesegeraan Atas Kepentingan Awam.
- ② Bagi Maksud Penyeragaman.
- ③ Satu Punca Bekalan/Perkhidmatan (Pembuat/Pemegang *Francais*).
- ④ Melibatkan Keselamatan/Strategik.
- ⑤ Kontrak Dengan Syarikat Pembuat Bumiputera.



PP/PK7.15 : GARIS PANDUAN PERMOHONAN PEROLEHAN SECARA RUNDINGAN TERUS (PINDAAN PADA 15 JULAI 2019)

3

SYARAT PEROLEHAN

- ① Permohonan rasmi kepada Kementerian Kewangan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sahaja.
- ② Format permohonan yang ditetapkan seperti di dalam pautan <https://egpa.treasury.gov.my> telah diisikan dengan lengkap bersertakan butiran maklumat, yang diperakukan serta ditandatangani oleh Pegawai Pengawal dan pegawai Agensi.
- ③ Format permohonan dan dokumen sokongan yang berkaitan hendaklah turut dikemukakan melalui e-mel rasmi/sistem permohonan (jika berkaitan) kepada pegawai yang memproses permohonan tersebut.
- ④ Laporan Penilaian teknikal dan kewangan hendaklah disertakan semasa proses pertimbangan oleh Pihak Berkuasa Melulus.

- ⑤ Agensi hendaklah melaksanakan rundingan harga berdasarkan PP/PK7.16: Garis Panduan Rundingan Harga Bagi Rundingan Terus.
- ⑥ Sebelum memuktamadkan hasil rundingan harga, Agensi adalah bertanggungjawab untuk menyemak dan mendapat kelulusan Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT), MAMPU dan Makmal Pengurusan Nilai (VM) atau syarat lain yang ditetapkan.
- ⑦ Bagi perolehan darurat, Agensi hendaklah mematuhi peraturan yang ditetapkan melalui pekeliling Pengurusan Belanjawan (PB) 3.3: Garis Panduan Perbelanjaan Darurat (AP 55) dan Perolehan Darurat (AP 173.2).
- ⑧ Permohonan yang tidak memenuhi kriteria dan syarat permohonan tidak akan dipertimbangkan.

4

Peraturan ini berkuat kuasa mulai **15 Julai 2019**.





PP/PK 7.16:
GARIS PANDUAN RUNDINGAN HARGA BAGI
RUNDINGAN TERUS
(PINDAAN PADA 15 JULAI 2019)

PP/PK7.16 : GARIS PANDUAN RUNDINGAN HARGA BAGI RUNDINGAN TERUS (PINDAAN PADA 15 JULAI 2019)

1

PENGELUARAN SURAT NIAT (*LETTER OF INTENT – LOI*)

- ① LOI hendaklah dikeluarkan kepada syarikat bagi tujuan pelaksanaan rundingan harga setelah syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan ke atas kelulusan rundingan terus dipenuhi.

- ① Pegawai Pengawal hendaklah memastikan LOI ditandatangani oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa selaras dengan Akta Kontrak Kerajaan 1949 tanpa tertakluk kepada had nilai. Pegawai Pengawal juga hendaklah memastikan terma dalam LOI tidak mengikat Kerajaan (*non-binding*).

2

JAWATANKUASA RUNDINGAN HARGA

- ① Jawatankuasa Rundingan Harga hendaklah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Pegawai Pengawal atau pegawai yang diturunkan kuasa dan pelantikan Ahli Jawatankuasa Rundingan Harga hendaklah dibuat secara bertulis oleh Pegawai Pengawal.

- ② Jawatankuasa Rundingan Harga hendaklah terdiri daripada sekurang kurangnya tiga (3) orang pegawai yang berkelayakan atau mempunyai pengalaman dan kemahiran teknikal mengenai perolehan yang berkenaan. Pegawai daripada agensi lain boleh dilantik bagi maksud ini.



PP/PK7.16 : GARIS PANDUAN RUNDINGAN HARGA BAGI RUNDINGAN TERUS (PINDAAN PADA 15 JULAI 2019)

Sambungan...

- ③ Jawatankuasa Rundingan Harga hendaklah terdiri daripada sekurang kurangnya tiga (3) orang pegawai yang berkelayakan atau mempunyai pengalaman dan kemahiran teknikal mengenai perolehan yang berkenaan. Pegawai daripada agensi lain boleh dilantik bagi maksud ini.
- ③ Proses rundingan harga dapat diselesaikan dalam tempoh tidak lebih dua (2) minggu daripada tarikh LOI dikeluarkan bagi mengelakkan syarikat tidak melengahkan persetujuan harga. Tempoh rundingan hendaklah ditentukan dan dimaklumkan kepada syarikat di awal rundingan.
- ⑤ Minit Mesyuarat hendaklah disediakan untuk setiap mesyuarat rundingan harga dengan dicatatkan para hadirin dan perkara yang telah atau pun tidak dipersetujui dan seterusnya hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi dan wakil syarikat.
- ⑥ Laporan Perbandingan Anggaran Jabatan, Harga Tawaran Dan Harga Dipersetujui hendaklah disediakan dan disenaraikan secara terperinci mengikut item atau komponen perolehan seperti di **Lampiran A** atau lain-lain format mengikut kesesuaian.



PP/PK7.16 : GARIS PANDUAN RUNDINGAN HARGA BAGI RUNDINGAN TERUS (PINDAAN PADA 15 JULAI 2019)

Sambungan...

- ⑦ Laporan Hasil Rundingan Harga hendaklah disediakan dan ditandatangani oleh Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Rundingan Harga dalam tempoh tiga (3) hari selepas tamat rundingan harga dan seterusnya dikemukakan kepada pihak berkuasa yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan bagi meluluskan harga tersebut.
- ⑧ Pegawai Pengawal hendaklah membuat pengesahan ke atas harga yang telah dirunding untuk dimuktamadkan dengan mengisi contoh format seperti di **Lampiran B** dan mengemukakannya bersama Laporan Hasil Rundingan Harga serta dokumen/ maklumat lain yang berkaitan untuk kelulusan.
- ⑨ Sekiranya harga rundingan tidak dapat dipersetujui, Pengerusi Jawatankuasa Rundingan Harga hendaklah memaklumkan kepada Pegawai Pengawal. Laporan Hasil Rundingan Harga tersebut hendaklah juga dimaklumkan kepada Kementerian Kewangan untuk keputusan sewajarnya.



MOF

PP/PK7.16 : GARIS PANDUAN RUNDINGAN HARGA BAGI RUNDINGAN TERUS (PINDAAN PADA 15 JULAI 2019)

3 PENGELUARAN SURAT SETUJU TERIMA (*LETTER OF ACCEPTANCE - LOA*)

- ① LOA hendaklah dikeluarkan kepada syarikat secepat mungkin iaitu tidak lewat daripada tujuh (7) hari selepas kelulusan muktamad harga oleh Kementerian Kewangan atau Lembaga Perolehan Agensi, mengikut mana yang berkenaan.
- ② Pegawai Pengawal hendaklah memastikan bahawa Surat Setuju Terima ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa selaras dengan Akta Kontrak Kerajaan 1949.

Peraturan ini berkuat kuasa mulai **15 Julai 2019**.

The diagram illustrates two forms used for the issuance of a Letter of Acceptance (LOA). Form PK7.16 Lampiran A (top) is titled 'LAPORAN PERBANDINGAN ANGGARAN JABATAN, HARGA TAWARAN DAN HARGA DIPERSETUJUI' and includes fields for 'Tajuk Perolehan/Projek', 'Nama Syarikat', and a table for comparing 'Anggaran Jabatan', 'Harga Tawaran Asal', 'Harga Dipersetujui', and 'Perbezaan Harga'. Form PK7.16 Lampiran B (bottom) is titled 'PERGELUARAN SURAT SETUJU TERIMA' and contains sections for 'Nota Pengeluaran', 'PERGELUARAN PENGELUARAN PEROLEHAN AKTAS', and various signature and stamp fields.





SEKIAN TERIMA KASIH

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA | TAHUN 2019